


Universiti Malaysia Pahang



GARIS PANDUAN ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI & MASYARAKAT (AKIM)

Disediakan oleh: Pusat Jaringan Industri & Masyarakat /ICoN

Tahun 2020

**ANUGERAH KUALITI KERJASAMA INDUSTRI
ANUGERAH KUALITI KERJASAMA MASYARAKAT
(STAF AKADEMIK ATAU STAF BUKAN AKADEMIK)**

SULIT

KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| Tujuan | 3 |
| Maklumat Kelulusan | 3 |
| Latar Belakang | 3 |
| Asas Pertimbangan | 4 |
| Keterangan & Kriteria <u>Anugerah Kualiti Kerjasama Industri / Kerjasama Masyarakat</u> | 5 |
| Bentuk/ Nilai Anugerah | 7 |
| Syarat Permohonan | 8 |
| Prosedur Pencalonan | 8 |
| Proses Penilaian | 9 |
| Maklumat Urus Setia | 10 |
| Penutup | 10 |

GARIS PANDUAN
ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI & MASYARAKAT (AKIM) BAGI KATEGORI
ANUGERAH KUALITI KERJASAMA INDUSTRI / KERJASAMA MASYARAKAT
(Staf Akademik/ Staf Bukan Akademik)

1. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada staf untuk memohon **ANUGERAH KUALITI KERJASAMA INDUSTRI / ANUGERAH KUALITI KERJASAMA MASYARAKAT** dalam penganjuran **Anugerah Kecemerlangan Industri & Masyarakat (AKIM)** di Universiti Malaysia Pahang.

Dokumen ini mengandungi maklumat merangkumi latarbelakang, asas pertimbangan, keterangan dan kriteria anugerah, bentuk/ nilai anugerah, syarat permohonan dan sebagainya yang akan menjadi sumber rujukan dalam membantu kelancaran pelaksanaan anugerah ini.

2. PUNCA KUASA

Kertas kerja pengwujudan Anugerah Kecemerlangan Industri & Masyarakat (AKIM) telah dibentangkan serta diperakukan di Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan & Pengembangan Ilmu (JPPI) Kali Ke - 42 Bil. 3 yang telah diadakan pada 21 Jun 2016.

Diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali Ke 100 Bilangan 6/2016 (Sambungan 1) yang bersidang pada 7 September 2016

3. LATARBELAKANG

3.1 ICoN merupakan sebuah jabatan yang menggalakkan penglibatan dan kerjasama erat antara pihak akademia dan industri serta masyarakat di mana secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan bagi sesebuah komuniti di samping kerjasama strategik institusi ilmu dengan industri. Perkongsian yang kukuh dengan industri serta komuniti ini akan membuka peluang kepada ahli akademik untuk mendapatkan pengalaman dan pendedahan untuk menjadi relevan dengan keperluan semasa di pasaran.

3.2 Buat masa ini, pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan adalah disediakan kepada mereka yang menunjukkan kecemerlangan dalam pengajaran & pembelajaran, pembangunan & penyelidikan, penulisan dan sebagainya melalui Anugerah Cendekia Bitara dan Anugerah Akademik Universiti.

SULIT

- 3.3 Justeru, atas faktor tersebut serta mengambil kira khidmat sumbangan yang berwibawa dan berkualiti dalam bidang industri dan masyarakat maka cadangan anugerah ini diwujudkan selaras dengan hasrat Universiti untuk memberi insentif dan pengiktirafan bagi menggalakkan staf UMP supaya terus memberi komitmen padu dalam kegiatan libatsama antara Universiti dengan industri dan komuniti.

4. ASAS PERTIMBANGAN

- 4.1 Malaysia berhasrat menjadikan inovasi sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara dan membangunkan ekosistem inovasi sebagai salah satu lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi).
- 4.2 Antara pendekatan yang digunakan adalah *quadruple helix* ataupun konsep lingkaran empat pihak iaitu melalui pengemblingan tenaga antara akademia, industri, kerajaan dan komuniti akan mewujudkan pemindahan pengetahuan (*knowledge exchange*) bagi menjana pertumbuhan dalam bidang keutamaan negara.
- 4.3 Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi merupakan salah satu daripada lima lonjakan yang telah dikenalpasti dalam pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020. Melalui lonjakan ini, UMP komited untuk memberikan tumpuan khusus terhadap kemampuan penyelidikan yang memberi impak kepada masyarakat melalui kluster penyelidikan yang berstruktur.
- 4.4 Penekanan juga turut dinyatakan melalui objektif strategik UMP yang keempat iaitu kemampuan sosio ekonomi dan persekitaran. Universiti merupakan wadah dalam memberi impak terhadap pembangunan sosio-ekonomi, persekitaran dan masyarakat. Maka satu gerakan usaha kerja amal kemasyarakatan dan pemindahan pengetahuan dan ilmu ke peringkat yang seterusnya diterjemahkan melalui projek inovasi sosial. Untuk itu, program Universiti Komuniti adalah merupakan gerakan besar-besaran UMP untuk memasyarakatkan universiti melalui pengetahuan dan teknologi.
- 4.5 Oleh itu, sebagai penghargaan kepada jasa dan pengorbanan yang diberikan oleh warga UMP terhadap keterlibatan dalam aktiviti dan program libatsama industri dan komuniti, perlunya anugerah ini diwujudkan bagi memberi pengiktirafan kepada warga UMP di samping sebagai pemangkin kepada usaha untuk meningkatkan kebertanggungjawab warganya menyumbang ilmu dan kepakaran dalam pembangunan industri dan komuniti.

5. KETERANGAN & KRITERIA ANUGERAH KUALITI KERJASAMA INDUSTRI / KERJASAMA MASYARAKAT

| | |
|--|--|
| Objektif Anugerah | <p>Bagi kategori Anugerah Kualiti Kerjasama Industri ianya merupakan <u>suatu pengiktirafan dan penghargaan kepada warga UMP yang telah bekerjasama secara aktif dengan industri dalam aktiviti-aktiviti berkaitan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan (semua staf akademik dan dan staf bukan akademik).</u></p> <p>Manakala bagi Kategori Anugerah Kualiti Kerjasama Masyarakat pula ianya untuk <u>memberi pengiktirafan kepada individu di kalangan staf akademik dan staf Pengurusan, Profesional & Pelaksana yang aktif dalam persatuan/pertubuhan dalam dan luar UMP serta aktif dalam memberi khidmat kepada masyarakat secara sukarela.</u></p> |
| Kategori Anugerah | <p>Terbahagi kepada dua (2) iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Anugerah Kualiti Kerjasama Industri – bagi kategori staf akademik dan staf bukan akademik. ii) Anugerah Kualiti Kerjasama Masyarakat – bagi kategori staf akademik dan staf bukan akademik. |
| Kriteria Anugerah Kualiti Kerjasama Industri | <p>Anugerah Kualiti Kerjasama Industri – bagi kategori <u>staf akademik</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Penglibatan staf dari skim akademik samada bertaraf jawatan tetap atau kontrak UMP dalam program/projek (<i>Tidak termasuk skim Fellow Penyelidik/Akademik, Pasca Doctoral, Profesor Adjung dll.</i>) (b) Terdapatnya kelestarian hubungan dengan rakan Industri. (c) Mempamerkan komitmen yang berterusan dalam melaksanakan projek libatsama universiti-industri yang boleh diukur, relevan, lestari, reflektif dan timbalbalik. (d) Projek melibatkan sumbangan kewangan |

| | |
|--|---|
| | <p>tunai/setara.</p> <p>(e) Terdapatnya libatsama oleh pihak pelajar/staf/UMP /Industri/Komuniti lain dalam pengendalian program/ projek.</p> <p>(f) Terdapatnya hasil dan impak nyata kepada kumpulan sasaran/ UMP / Industri dalam program/projek jaringan Industri yang dijalankan.</p> <p>Anugerah Kualiti Kerjasama Industri – bagi kategori <u>staf bukan akademik</u></p> <p>(a) Penglibatan staf dari mana-mana skim bukan akademik termasuk kumpulan pelaksana bertaraf jawatan tetap atau kontrak UMP dalam program/projek (tidak termasuk <i>Research Assistant</i> dll).</p> <p>(b) Menjadi Ketua Program/Projek atau Penggerak (memainkan sumbangan signifikan) bagi program/projek kerjasama Industri yang memberi impak yang tinggi.</p> <p>(c) Menyumbang secara signifikan kepada kejayaan projek misalnya memperoleh sumbangan kewangan atau setara dalam jumlah yang signifikan daripada pihak industri.</p> <p>(d) Mempamerkan komitmen yang berterusan dalam melaksanakan projek libatsama universiti-industri yang boleh diukur, relevan, lestari, reflektif dan timbalbalik.</p> <p>(e) Lain-lain seperti kriteria (e) dan (f) di atas.</p> |
| <p>Kriteria Anugerah Kualiti Kerjasama Masyarakat</p> | <p>Anugerah Kualiti Kerjasama Masyarakat – bagi kategori <u>staf akademik</u></p> <p>(a) Penglibatan staf dari skim akademik samada bertaraf jawatan tetap atau kontrak UMP dalam program/projek (<i>Tidak termasuk skim Fellow Penyelidik/Akademik, Pasca Doctoral, Profesor Adjung dll.</i>)</p> <p>(b) Terdapatnya kelestarian hubungan dengan rakan Komuniti.</p> <p>(c) Terdapatnya sumbangan kewangan atau setara dalam menjayakan projek Komuniti.</p> <p>(d) Terdapatnya libatsama oleh pihak pelajar/staf/UMP</p> |

| | |
|--|---|
| | <p>/Industri/Komuniti lain dalam pengendalian program/ projek Komuniti</p> <p>(e) Terdapatnya hasil dan impak nyata kepada kumpulan sasaran/ UMP dalam program/projek Komuniti yang dijalankan</p> <p>Anugerah Kualiti Kerjasama Masyarakat – bagi kategori staf bukan akademik</p> <p>(a) Penglibatan staf dari mana-mana skim bukan akademik termasuk kumpulan pelaksana bertaraf jawatan tetap atau kontrak UMP dalam program/projek (tidak termasuk <i>Research Assistant</i> dll).</p> <p>(b) Menjadi Ketua Program/Projek atau Penggerak (memainkan sumbangan signifikan) bagi program/projek kerjasama masyarakat yang memberi impak yang tinggi.</p> <p>(c) Menyumbang secara signifikan kepada kejayaan projek misalnya memperoleh sumbangan kewangan atau setara dalam jumlah yang signifikan daripada pihak industri.</p> |
|--|---|

6. BENTUK/ NILAI ANUGERAH

- 6.1 Tiga (3) pemenang akan dipilih bagi setiap anugerah iaitu tempat pertama, kedua dan ketiga bagi setiap kategori samada staf akademik atau staf bukan akademik.
- 6.2 Pemenang akan menerima wang tunai (rujuk jadual dibawah) dan sijil penghargaan.

| | |
|-----------------------|------------|
| Tempat Pertama | RM3,000.00 |
| Tempat Kedua | RM2,000.00 |
| Tempat Ketiga | RM1,000.00 |

- 6.3 Pemenang akan diberi penghormatan berkongsi pengalaman dalam program perkembangan profesional staf, kursus induksi dan sebagainya.

7. SYARAT PERMOHONAN

7.1 Terbuka kepada semua warga UMP samada staf akademik atau staf bukan akademik.

8. PROSEDUR PENCALONAN

| BIL. | PERKARA | KETERANGAN |
|------|---|--|
| 1. | Prosedur Pencalonan: | <ul style="list-style-type: none">• Pencalonan boleh dibuat berdasarkan:<ul style="list-style-type: none">- Pencalonan diri sendiri- Pencalonan oleh individu lain- Pencalonan Fakulti/ PTJ• Pencalonan adalah berdasarkan program keterlibatan industri/ komuniti yang dijalankan sepanjang <u>tahun 2019 sahaja</u>. Walau bagaimanapun, sekiranya program yang dijalankan telah dimulakan sebelum tahun 2019 dan masih berterusan ke tahun penilaian, ianya boleh diambil kira.• Calon hendaklah mengisi borang pencalonan Anugerah Kecemerlangan Industri & Masyarakat (AKIM) <u>BAGI ANUGERAH KUALITI KERJASAMA INDUSTRI ATAU ANUGERAH KUALITI KERJASAMA MASYARAKAT</u> |
| 2. | Dokumen yang perlu diisi dalam permohonan | <ol style="list-style-type: none">1. <i>Curriculum Vitae</i> (CV) dan pencapaian calon.2. Pernyataan ringkas berkaitan sumbangan dan pencapaian (250 patah perkataan)3. Portfolio Anugerah. Rujuk PANDUAN PORTFOLIO yang disediakan.4. Sebarang dokumen sokongan yang berkaitan sebagai bahan bukti sumbangan dan pencapaian. Contoh: keratan / salinan media cetak, rakaman, gambar projek / aktiviti, pernyataan, laporan teknikal, sijil, surat dan sebagainya. |

9. PROSES PENILAIAN

9.1 Penilaian adalah berdasarkan kriteria dan pemberat yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Penilai Anugerah Kecemerlangan Industri & Masyarakat (AKIM) UMP.

9.2 Jawatankuasa ini akan meneliti dan menilai semua permohonan bersama dengan semua bahan bukti termasuk portfolio.

9.3 Jawatankuasa Penilai ini terdiri daripada :

SULIT

- Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Sekurang-kurangnya dua (2) orang staf akademik terdiri daripada ahli Jawatankuasa Penyelidikan & Pengembangan Ilmu.
- Sekurang-kurangnya dua (2) orang Penilai Luar.
- Setiausaha / Urusetia – Pusat Jaringan Industri & Masyarakat (ICoN)

9.4 Bagi PENILAIAN ANUGERAH KUALITI KERJASAMA MASYARAKAT (SAMADA BAGI STAF AKADEMIK ATAU STAF BUKAN AKADEMIK) juga mengambil kira elemen berikut:

(a) **NBOS**

Impak Tinggi : Projek membawa impak yang tinggi ke arah mentransformasi masyarakat setempat. (Definisi impak: satu proses/kaedah baru pihak universiti menyediakan perkhidmatan atau tindakan yang memberi impak yang tinggi dari sudut perspektif komuniti).

(i) Impak projek terhadap komuniti dari segi:

- Bilangan penerima manfaat
- Kekurangan dan tempoh menerima manfaat
- Potensi skala untuk meningkatkan penerima manfaat
- Keutamaan manfaat kepada komuniti

(ii) Bidang keutamaan projek adalah memberikan impak dalam mana-mana kaedah seperti berikut:

- Meningkatkan pendapatan
- Mengurangkan kos sara hidup
- Meningkatkan produktiviti
- Meningkatkan perlindungan dan keselamatan
- Menambah kemudahan
- Memupuk kebanggaan Negara

(iii) **Pelaksanaan Pantas**: Objektif projek dapat dicapai dalam tempoh 9 – 12 bulan, dan impak projek sampai ke komuniti sasaran.

(iv) **Kos Minima (Keberkesanan Kos)**: Projek menjimatkan perbelanjaan berbanding dengan kaedah konvensional, melalui aplikasi prinsip NBOS.

(v) **Kelestarian/Mampan**: Projek mempunyai potensi untuk kesinambungan selepas tamat dan kesesuaian untuk diadaptasi dan dilaksanakan di tempat lain.

(vi) Lain-lain Kriteria penilaian:

SULIT

- **Multi-stakeholder & multi-disiplin** – Penglibatan pelbagai pihak berkepentingan (industri/komuniti/NGO/agensi kerajaan) dan perkongsian kepakaran merentas disiplin untuk berkongsi/mengurangkan kos pelaksanaan dan meningkatkan impak kepada komuniti.
- **Perkongsian ilmu/teknologi** – Projek memperkasakan komuniti sasaran melalui perkongsian ilmu/teknologi yang relevan di universiti.
- **Keternampakkan (*visibility*)** – Program/projek komuniti yang meningkatkan keternampakkan jaringan industri & komuniti UMP pada pandangan umum.
- **Sumbangan tenaga** atau sumbangan **kewangan tunai / *in-kind*** yang signifikan.
- **Penglibatan dan sokongan** yang aktif & **lestari** sepanjang projek.
- **Perkongsian kepakaran/ilmu** yang meningkatkan impak projek kepada komuniti.

10. MAKLUMAT URUS SETIA

- ***Urusetia Anugerah Kecemerlangan Industri & Masyarakat (AKIM) UMP
Pusat Jaringan Industri & Masyarakat (ICoN)
Universiti Malaysia Pahang, Kampus Gambang***

*09-549 2601 (En. Mohd. Raizalhilmy Mohd. Rais)
09-549 2621 (Pn. Halizan Mohmood)
09-549 2790 (Pn. Rozianawati Haji Mohd. Isa)
09-549 2615 (En. Mohamad Hafizuddin Ramli)*

- Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
- Keputusan Jawatankuasa Penilai AKIM adalah **MUKTAMAD** dan akan dimaklumkan kepada pemenang dan Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan PTJ.

11. PENUTUP

Diharapkan garis panduan ini dapat membantu staf untuk memohon **ANUGERAH KUALITI KERJASAMA INDUSTRI DAN ANUGERAH KUALITI KERJASAMA MASYARAKAT** dalam penganjuran **Anugerah Kecemerlangan Industri & Masyarakat (AKIM)** di Universiti Malaysia Pahang. Sekian